

11/03/2002

Ahli Umno kena tindakan akur keputusan MT

KUALA LUMPUR, Ahad - Pemimpin dan ahli Umno yang dikenakan tindakan oleh Lembaga Disiplin parti, akur keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno dengan hati terbuka.

Mereka sependapat tindakan MT menggantung keahlian tidak pernah melunturkan semangat untuk terus berkhidmat kepada masyarakat serta taat setia kepada parti.

Ahli Majlis Tertinggi Umno yang juga bekas Ketua Bahagian Bukit Bintang, Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi yang dihubungi tidak dapat mengulas lanjut mengenai perkara itu kerana belum menerima pengesahan dari ibu pejabat Umno.

Katanya, walaupun sedar keputusan MT parti memberi implikasi kepada kedudukannya sebagai ahli MT, namun beliau akur menerima sebarang keputusan.

"Kita kena tunggu dulu surat kerana susah hendak kata. Saya akur dengan apa saja keputusan (MT) dan terus menjadi ahli Umno.

"Jika ingin terus berjasa kepada rakyat, kita tidak ada pilihan kecuali menerima keputusan itu," katanya di sini, hari ini.

Abdul Azim adalah antara 10 ahli Umno yang dikekalkan hukuman selepas mesyuarat MT yang dipengerusikan Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

MT memutuskan hukuman ke atas 10 pemimpin dan ahli parti yang dikenakan hukuman oleh Lembaga Disiplin tahun lalu dikekalkan, 10 lagi diringankan hukuman dan tujuh dibatalkan selepas didapati tidak bersalah.

Bagaimanapun pada sidang akhbar itu, Dr Mahathir tidak menyenaraikan nama pemimpin dan ahli yang terbabit.

Sumber Berita Harian memberitahu selain Abdul Azim, antara yang terbabit dengan pengekalan hukuman itu adalah bekas Exco Kedah, Datuk Zainol Mohd Isa serta ketua bahagian - Jelani Hamdan (Bandau); Datuk Yahya Lampong (Tanjung Aru) dan Datuk Yahya Shafie (Ipoh Timur) dan Setiausaha Umno Bahagian Bukit Bintang, Datuk Roslan Omar.

Sementara, Datuk Abdullah Omar (Muar), Datuk Kamaruddin Mohd Noor (Pasir Putih) dan Mustapha Kamal Mohd Nawi (Gopeng), dipercayai antara 10 pemimpin yang diringankan hukuman.

Jika hukuman itu berkuat kuasa, semua jawatan pemimpin dan ahli dalam parti akan terjejas. Bagaimanapun, keputusan itu tidak membabitkan jawatan dalam dunia korporat atau jawatan lain, kecuali sebagai Ahli Majlis Kerajaan Negeri (Exco) kerajaan negeri.

Roslan berkata, walaupun belum menerima surat rasmi dari ibu pejabat parti mengenai keputusan MT terhadapnya, beliau akur dengan keputusan tertinggi parti itu.

Di KOTA KINABALU, bekas Ketua Umno Bahagian Tanjung Aru, Datuk Yahya Lampong, menerima keputusan MT untuk terus mengekalkan hukuman gantung jawatan kerana melanggar peraturan parti dengan hati terbuka.

"Sebagai ahli Umno yang setia, saya menerima keputusan itu dengan hati terbuka dan tidak akan membantah.

"Saya menganggap keputusan dari pucuk pimpinan perlu dihormati selain dipatuhi," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Dua lagi bekas ketua bahagian di Sabah yang turut terbabit ialah Datuk Yusof Amat Jamlee (Silam) dan Jelani Hamdan bagi kawasan Bandau.

(END)